

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10163
ASAS PENGURUSAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

BAHAGIAN A

[40 markah]

1. Nyatakan definisi kemahiran konseptual. CLO1
T1
 - A. Kebolehan untuk bekerja dengan baik bersama orang lain.
 - B. Kebolehan seseorang untuk melihat keadaan organisasi secara menyeluruh serta impak bahagian-bahagian.
 - C. Kebolehan dalam mengaplikasikan beberapa prosedur, teknik dan pengetahuan khusus yang diperlukan dalam sesuatu tugas.
 - D. Kebolehan untuk menggunakan masa secara berkesan dan cekap dalam menyempurnakan sesuatu tugas dan aktiviti organisasi.

2. Antara berikut yang manakah merupakan fungsi pengurusan? CLO1
T1
 - A. Disiplin
 - B. Gelagat
 - C. Kekuatan
 - D. Kepimpinan

3. Tanggungjawab _____ termasuklah menetapkan objektif yang selaras dengan matlamat organisasi, perancangan serta melaksanakan objektif tersebut. CLO1
T1
 - A. pengurus projek
 - B. pengurus atasan
 - C. pengurus pertengahan
 - D. pengurus bawahan / lini

4.

CLO1T1

Puan Barry merupakan pengurus sumber manusia bagi Happy Life Sdn. Bhd. Beliau lebih mengutamakan gelagat aspek 'manusia' dalam organisasi untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Pilih pendekatan evolusi pengurusan yang digunakan oleh Happy Life Sdn Bhd.

- A. Gelagat
 - B. Klasikal
 - C. Kuantitatif
 - D. Pra-Klasikal
5. Pengurus memainkan beberapa peranan sebagai pemimpin bagi sesebuah organisasi. Antara berikut yang manakah **BUKAN** peranan seorang pengurus? CLO1
T1
- A. Pemerhati perlakuan kakitangan organisasi.
 - B. Penyampai maklumat kepada kakitangan organisasi.
 - C. Penghubung antara pelanggan dan kakitangan organisasi
 - D. Perunding cara untuk mempertahankan kepentingan organisasi.

6.

CLO1T1


Pendekatan kuantitatif menekankan penggunaan matematik, statistik dan alat bantu maklumat lain untuk membantu membuat keputusan bagi meningkatkan keberkesanan organisasi.

Pendekatan kuantitatif berguna kepada pengurus dalam melaksanakan fungsi

- A. Kepimpinan.
- B. penyusunan.
- C. perundingan.
- D. perancangan.

7. Nyatakan definisi perancangan. CLO1
T2
- A. Merupakan satu proses kerja secara sukarela daripada setiap bahagian bagi mencapai *target*.
 - B. Merupakan satu proses kerja yang memerlukan sekumpulan individu menyediakan perancangan tahunan.
 - C. Merupakan satu proses kerja yang melibatkan penglibatan individu bagi merangka kerja yang mendatangkan keuntungan.
 - D. Merupakan satu proses untuk menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi dan tindakan yang sesuai untuk diambil.
8. Langkah kedua dalam proses perancangan adalah CLO1
T2
- A. menetapkan matlamat.
 - B. menilai semula matlamat.
 - C. menentukan keadaan semasa.
 - D. mengenalpasti bantuan dan rintangan.
9. Siapakah yang bertanggungjawab untuk membentuk rancangan operasi? CLO1
T2
- A. Pengurus projek
 - B. Pengurus atasan
 - C. Pengurus pertengahan
 - D. Pengurus bawahan / lini
10. Perancangan adalah penting kerana dapat membantu CLO1
T2
- A. meningkatkan prestasi pekerja.
 - B. meramal masa depan organisasi.
 - C. meningkat keberkesanan operasi organisasi.
 - D. memastikan pengagihan sumber di antara jabatan dapat dilakukan dengan saksama.
11. Langkah-langkah di dalam proses pengorganisasian boleh dibahagikan kepada _____peringkat. CLO1
T3
- A. 4
 - B. 5
 - C. 6
 - D. 7

12.

CLO1T3

Rajah 1

Rajah 1 di menerangkan langkah bagi _____ di dalam proses pengorganisasian.

- A. mewujudkan jabatan
- B. menyenaraikan kerja
- C. membahagikan kerja
- D. menyelaraskan kerja

13. Teori apakah yang menyatakan bahawa seorang pemimpin memiliki ciri-ciri tertentu sejak dilahirkan?

CLO1T4

- A. Sifat
- B. Gelagat
- C. Matlamat
- D. Kontigensi

14. Mengapakah *Blake dan Mouton* berpendapat pengurusan berpasukan (9,9) adalah gaya kepimpinan yang paling berkesan? CLO1
T4

- A. Dapat menghasilkan suasana kerja yang selesa dan mesra.
- B. Dapat mengekalkan moral pekerja pada tahap yang memuaskan.
- C. Dapat menyenangkan dan mententeramkan pekerja di tempat kerja.
- D. Dapat menghasilkan prestasi kerja yang baik serta mengurangi kadar ketidakhadiran.

15. CLO1
T4

Chang adalah merupakan seorang pekerja yang berkebolehan tetapi tidak sanggup dan tidak yakin dalam menyelesaikan tugas.

Bagi situasi ini, gaya kepimpinan yang sesuai ialah

- A. menjual.
- B. menyertai.
- C. mendelegasi.
- D. memberitahu.

16. CLO1
T4

Pengurus X melayan pekerja tanpa berdasarkan mobiliti sosial dan turut menghormati status kedudukan mereka.

Apakah gaya kepimpinan pengurus X tersebut?

- A. Kepimpinan berorientasikan arahan.
- B. Kepimpinan berorientasikan sokongan.
- C. Kepimpinan berorientasikan penyertaan.
- D. Kepimpinan berorientasikan pencapaian.

17. Apakah maksud kawalan? CLO1

- A. Penentuan prestasi perbelanjaan kewangan organisasi berbanding belanjawan yang telah dibuat. T5
- B. Sistem mendapatkan maklumbalas bagi menentukan ganjaran atau hukuman yang perlu diberikan kepada pekerja.
- C. Penetapan piawai bagi perlaksanaan tugas-tugas agar pekerja dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan.
- D. Sistem mendapatkan maklumbalas berkenaan prestasi sebenar berbanding piawai yang telah ditetapkan bagi memastikan pencapaian objektif yang telah dirancang.

18. Pengawalan dilihat sebagai elemen yang penting kerana ia dapat membantu pengurus mengelakkan daripada berlakunya CLO1
T5
- A. perubahan.
 - B. kompleksiti.
 - C. penyelewengan.
 - D. penolakan perubahan.
19. Nyatakan definisi pengurusan strategik. CLO1
T6
- A. Proses mengumpul dan menyatukan semua kegiatan yang sama dengan cara yang sesuai dan praktikal.
 - B. Proses menentukan apa yang perlu dilakukan, bagaimana ia akan dilakukan dan siapa yang akan melakukannya.
 - C. Proses di mana pengurus memastikan arah jangka panjang sesebuah organisasi menentukan objektif prestasi yang khusus.
 - D. Proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal usaha kesemua ahli organisasi dan menggunakan sumber organisasi.
20. Susun langkah-langkah proses pengurusan strategik mengikut turutan yang betul. CLO1
T6
- I. Analisa strategik.
 - II. Merancang strategik.
 - III. Melaksanakan strategik.
 - IV. Menilai pencapaian strategik.
 - V. Penetapan sasaran strategik.
- A. I, III, II, IV, V
 - B. I, V, II, III, IV
 - C. II, V, III, IV, I
 - D. III, I, II, IV, V

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Nyatakan **TIGA (3)** fungsi pengurusan. CLO1
T1
[3 markah]
- b) Senaraikan **TIGA (3)** kemahiran pengurusan. CLO1
T1
[3 markah]
- c) Terangkan **TIGA (3)** kepentingan pengurusan. CLO1
T1
[6 markah]
- d) Henry Fayol merupakan tokoh dalam pengurusan pentadbiran. Beliau memperkenalkan empat belas (14) prinsip pengurusan. Jelaskan **EMPAT (4)** daripada empat belas (14) prinsip pengurusan tersebut. CLO1
T1
[8 markah]

Soalan 2

- a) **Menetapkan piawaian untuk memudahkan kawalan.** CLO1
T2
- Penyataan di atas merupakan salah satu tujuan perancangan dalam organisasi.
Terangkan tujuan perancangan tersebut. *[4 markah]*
- b) Berikan **TIGA (3)** perbezaan di antara perancangan strategik dan perancangan taktikal. CLO1
T2
[6 markah]
- c) Terangkan **TIGA (3)** kepentingan pengorganisasian dalam sesebuah organisasi. CLO1
T3
[6 markah]
- d) Nyatakan **DUA (2)** kepentingan pengurusan strategik. CLO1
T6
[4 markah]

Soalan 3

- a) Terangkan **DUA (2)** gaya kepimpinan dalam teori kepimpinan situasi *Hersey & Blanchard*. CLO1
T4
[4 markah]
- b) Bincangkan **TIGA (3)** gaya kepimpinan dalam teori laluan matlamat yang diperkenalkan oleh *Robert House*. CLO1
T4
[6 markah]
- c) Senaraikan proses pengawalan dalam pengurusan dengan betul. CLO1
T5
[4 markah]
- d) Jelaskan **TIGA (3)** prinsip kawalan yang berkesan dalam organisasi. CLO1
T5
[6 Markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab